

HIJRAH TATA KELOLA

Berani berhijrah menerusi **kepekaan dengan tuntutan perubahan** semasa, menjalankan tugas dengan **rapi, cekap** dalam pelaksanaan tugas, dan mengamalkan **komunikasi secara efisien**

EMPATI RAKYAT

Mendengar dan memahami **permasalahan** rakyat, sentiasa **prihatin** dan menyayangi rakyat, serta menumpukan kepada pelaksanaan pelbagai inisiatif yang dapat memberikan **kesejahteraan kepada rakyat**

NILAI-NILAI PENJAWAT AWAM

TELUS TADBIRAN

Menyematkan **nilai-nilai integriti** dalam menjalankan tugas seharian, sentiasa membudayakan amalan **semak dan imbang** bagi melancarkan pelaksanaan tugas, dan **meraikan pandangan luar** yang dapat memantapkan lagi kualiti kerja yang dijalankan

APRESIASI INOVASI

Sentiasa menyokong dan menghargai perkembangan **idea-idea baharu** bagi memperkasakan Perkhidmatan Awam, **meneroka pelbagai inisiatif baharu** yang bersesuaian dengan kehendak semasa, dan berusaha untuk **memartabatkan inisiatif digital** baharu yang efisien

MINDA PEKIN

Sentiasa bersikap **cermat** dalam membelanjakan dana awam, sentiasa **kreatif dan inovatif** dalam memanfaatkan sumber-sumber sedia ada, mempunyai minda **"value for money"**, dan menjalankan tugas secara **kerjasama strategik** antara organisasi

3

PRINSIP

1

FACILITATE

Memudahkan urusan stakeholders dan pelanggan

2

ACCOMMODATE

Menyesuaikan cara kerja selari dengan agenda Kerajaan

3

ACCELERATE

Menyegerakan pelaksanaan segala keputusan Kerajaan

DATO' SRI WAN AHMAD DAHLAN BIN HAJI ABDUL AZIZ
KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM

Majlis Perhimpunan JPA & Amanat Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Tahun 2024
21 Februari 2024



JABATAN PERDANA MENTERI

keMampanan

Kemajuan mutu kehidupan bangsa dalam acuan yang seimbang antara manusia dan alam, bernuansakan citra Malaysia yang unik.

M

kesejAhteraan

Membawa makna keseimbangan atau lebih tepat lagi kehidupan dan segala sisinya yang terangkum dalam keseimbangan.

A

Daya cipta

Mengandungi beberapa konotasi antaranya pembaharuan, reka cipta dan reka baharu.

D

hormAt

Mengandungi konotasi maruah manusia. Suatu kalimat lain yakni adab yang berasal daripada bahasa arab.

A

keyakiNan

Keyakinan punyai kaitan yang erat dengan amanah yakni suatu ikrar pertanggungjawaban moral duniawi dan ukhrawi.

N

Ihsan

Ihsan itu sinonim dengan makna peduli dan belas kasihan.

I



Jab.PerdanaMenteri



@jabatanperdanamenteri



@jpmgov_



@jpmgov



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

Semangat MALAYSIA Dalam Diri Penjawat Awam

M	A	L	A	Y	S	I	A
MESRA	ADIL	LUHUR	AMANAH	YAKIN	SETIA	ISLAH	ARIF
Sopan santun dan empati dalam memberi perkhidmatan	Meletakkan sesuatu pada haknya	Memuliakan perkhidmatan dengan komited dalam pekerjaan	Jujur dan ikhlas dalam menggalas tugas	Percaya dengan kebolehan diri serta semangat berorganisasi	Taat dan setia berdasarkan Rukun Negara dan Perlembagaan	Sentiasa melakukan pembaharuan dan penambahbaikan	Mesti berilmu, berpengetahuan dan berkemahiran

#taatsetia



NILAI - NILAI PENJAWAT AWAM

H.E.M.A.T



H

Hijrah Tatakelola

Mendorong penjawat awam untuk berani melakukan perubahan positif dalam cara kerja mereka.

Mengamalkan pengurusan yang lebih cekap, efektif, dan responsif terhadap keperluan rakyat.

Memastikan komunikasi dalam organisasi lebih jelas dan berkesan.

E

Empati Rakyat

Mengutamakan keperluan serta kebajikan rakyat dalam setiap keputusan dan tindakan.

Mendengar serta memahami masalah rakyat dengan lebih dekat.

Menyediakan perkhidmatan awam yang lebih mesra pengguna dan mudah diakses.

M

Minda Pekin

Menggalakkan penjawat awam berfikir secara kreatif untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti.

Mengutamakan perbelanjaan yang berhemat dan berkesan.

Memanfaatkan sumber yang ada dengan lebih baik untuk mengelakkan pembaziran.

A

Apresiasi Inovasi

Menggalakkan budaya inovasi dalam penyampaian perkhidmatan awam.

Mengiktiraf dan menghargai idea-idea baharu yang boleh meningkatkan keberkesanan kerja.

Menerapkan teknologi dan amalan terbaik dalam pentadbiran kerajaan.

T

Telus Tadbiran

Menekankan ketelusan dan integriti dalam setiap aspek pentadbiran.

Memastikan akauntabiliti dalam pelaksanaan tugas dan perbelanjaan awam.

Memelihara kepercayaan rakyat terhadap kerajaan dengan mengamalkan tadbir urus yang baik.

